

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 11.00 pagi, 10 Ogos 2024



Untuk Terbitan Media
10 Ogos 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO BERKAMPUNG DI KARNIVAL KERJAYA MYFUTUREJOBS KUALA LIPIS 2024

ALERT: PERKESO SALUR PEMBAYARAN FAEDAH BERNILAI LEBIH RM207,000

KUALA LIPIS – Lebih 1,000 jawatan kosong ditawarkan daripada 15 majikan yang terdiri daripada pelbagai sektor di Karnival Kerjaya MYFutureJobs Kuala Lipis 2024 yang bermula hari ini dan esok.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad memaklumkan berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada **Suku Pertama 2024** kadar pengangguran di Pahang berada pada **tahap guna tenaga penuh iaitu 2.6 peratus**.

“Untuk 2024 sehingga 26 Julai 2024, seramai 2,335 warga Pahang berjaya ditempatkan hasil inisiatif berterusan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperkasakan tenaga kerja tempatan khususnya di negeri Pahang.

“Rentetan itu, karnival kerjaya ini dilaksanakan di Kuala Lipis bagi merancakkan lagi sosioekonomi negeri Pahang dengan membawa elemen gamifikasi sebagai elemen baharu bagi karnival kerjaya ini.

“Kuala Lipis merupakan lokasi perintis di Pahang yang menerapkan elemen gamifikasi inovatif bertujuan menarik minat dan penyertaan lebih ramai individu dalam bidang pekerjaan yang ditawarkan dimana platform ini disediakan untuk pencari kerja mengenali pelbagai peluang kerjaya melalui elemen permainan yang mendidik dan menghiburkan.

“Aktiviti gamifikasi seperti simulasi pekerjaan, cabaran kemahiran serta pertandingan interaktif bukan sahaja memperkenalkan peserta kepada dunia pekerjaan yang sebenar, tetapi juga membantu mereka mengasah kemahiran yang relevan dan meningkatkan keyakinan diri,” jelas beliau.

Menurut Abdul Rahman lagi sempena karnival ini juga, KESUMA melalui PERKESO turut menyalurkan pembayaran faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) kepada enam penerima di Pahang dengan nilai keseluruhan melebihi RM207,000.

Karnival Kerjaya MYFutureJobs Kuala Lipis 2024 menyediakan platform untuk pencari kerja bertemu secara langsung dengan majikan dan meneroka peluang kerjaya dengan tawaran gaji yang kompetitif sehingga RM6,000.

Orang ramai dijemput hadir untuk merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan dan memanfaatkan sumber serta aktiviti yang disediakan sepanjang dua hari karnival ini berlangsung.

Pelbagai aktiviti menarik turut disediakan buat semua pencari kerja dan pengunjung yang hadir seperti aktiviti pemeriksaan kesihatan, gerai jualan RAHMAH MADANI, kaunter pameran agensi, bengkel keusahawanan dan pelbagai lagi aktiviti yang boleh dimanfaatkan oleh semua pengunjung.

Turut hadir adalah Ketua Setiausaha KESUMA, Dato' Sri Khairul Dzaimiee Daud, Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang, YB Tuan Sim Chon Siang, Ahli Dewan Undangan Negeri Padang Tengku, YB Dato' Mustapa Long, Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal serta pengurusan tertinggi PERKESO.

Tamat
###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

10 Ogos 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ikliil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my